

MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	4	ArticleSize	732 cm ²
AdValue	RM 12,486	PR Value	RM 37,459



'Pas semakin *tak relevan*'

SHAH ALAM - Kedudukan Pas dalam politik tanah air dilihat sudah tidak relevan lagi kerana agenda parti itu telah dilaksanakan oleh Umno.

Penganalisis politik dari Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani berkata, tidak perlu

Pas jadi parti politik sekiranya ia hanya mahu membawa agenda Islam tanpa ber-

hasrat menang pilihan raya.

"Agenda yang Pas bawa semuanya kerajaan BN dan Umno sedang laksanakan, kecuali hudud. Jadi kita lihat Pas semakin lama semakin tak relevan sebab apa lagi nak diperjuangkan?"


"Umno telah melaksanakan agenda Islamisasi dan kerajaan juga memperuntukkan bajet yang besar untuk agenda ini," katanya.

Mengulas hasrat Pas untuk menjadi blok ketiga, Mohd Azizuddin meramalkan perkara itu tidak akan menjadi realiti.

"Sistem yang hendak diwujudkan di Malaysia ini dengan pendaftaran Pakatan Harapan, ialah *two-party coalition system*. Pas sebelum ini pernah menyebut hasrat untuk jadi blok ketiga atau *kingmaker* jika ada isu tergantung di Parlimen.

"Realitinya ia takkan berlaku kerana mengikut *two-party coalition system*, akan hanya ada dua pilihan di Parlimen.

"Jadi kalau Pas nak jadi blok ketiga, hanyutlah. Ia tidak relevan. Ini hakikat yang perlu difikirkan oleh Pas," katanya.



● **Hasrat Pas untuk jadi blok ketiga diramal tidak akan berlaku**



Headline	'Pas semakin tak relevan'		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	4	ArticleSize	732 cm ²
AdValue	RM 12,486	PR Value	RM 37,459



Hadirin yang hadir ke wacana Sinar Harian di Dewan Karangkrak, semalam.



Dari kiri: Moderator, Nazri Kahar bersama panel, Dr Maszlee Malik, Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani, dan Wan Saiful Wan Jan pada Wacana Sinar Siri ke-48, semalam.

Headline	` Pas semakin tak relevan`		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	4	ArticleSize	732 cm ²
AdValue	RM 12,486	PR Value	RM 37,459



Headline	'Pas semakin tak relevan'		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	4	ArticleSize	732 cm ²
AdValue	RM 12,486	PR Value	RM 37,459

